

BAB IV

RUMUSAN DAN SARANAN-SARANAN

BAB IV

RUMUSAN DAN SARANAN-SARANAN

4.1 RUMUSAN

Di dalam bab ini akan dikemukakan beberapa rumusan dan saranan yang difikirkan sesuai untuk memperbaiki atau mempertingkatkan keberkesanan hukuman sebat sekiranya ingin dilaksanakan dalam negara ini. Segala rumusan dan saranan-saranan ini dibuat berdasarkan perkara-perkara yang telah dibahaskan bab-bab yang lalu mengenai hukuman sebat dari perspektif Islam dan undang-undang jenayah du Malaysia.

4.1.1 Peruntukan Hukuman Sebat

Hukuman sebat ialah sejenis seksaan *badaniyyah* (corporal punishment) yang terdapat dalam hukum jenayah Islam bagi dua kategori kesalahan iaitu hudud dan juga takzir. Bagi kesalahan hudud hanya tiga jenis kesalahan yang terlibat iaitu zina ghayr muḥṣan, qadhf dan minum arak. Selain itu hukuman ini boleh digunakan dengan meluas untuk berbagai kesalahan takzir atas tindakan serta pertimbangan budi bicara pemerintah. Undang-undang jenayah di Malaysia pula terbahagi kepada dua iaitu undang-undang jenayah sivil dan undang-undang jenayah syariah. Terdapat banyak statut dalam undang-undang jenayah sivil yang

memperuntukkan hukuman sebat. Antara yang terbanyak ialah Kanun Keseksaan, diikuti oleh statut-statut lain seperti yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu. Undang-undang jenayah syariah di Malaysia pula memperuntukkan hukuman sebat bagi beberapa kategori kesalahan yang melibat penyebaran ajaran salah tentang agama Islam dan juga kesalahan-kesalahan moral.

4.1.2 Tujuan Hukuman Sebat

Kajian ini merumuskan bahawa tujuan hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan hudud ialah untuk memberikan pembalasan, pencegahan dan pengajaran. Hukuman ini dikenakan terhadap mereka yang bersalah untuk menjaga kepentingan dan maslahah kepada masyarakat yang lebih besar. Pencabulan terhadap maruah, keturunan serta akal seseorang adalah satu kesalahan yang serius kerana Islam memandang aspek-apsek tersebut sebagai nilai penting dalam diri seseorang manusia. Jadi seharusnya ia dikenakan hukuman yang berat. Kesalahan Zina tidak boleh dianggap sebagai kesalahan individu semata-mata sebaliknya ia juga mencabuli hak Allah (hak masyarakat) disebabkan kesannya akan berkesinambungan serta boleh menganggu kesejahteraan masyarakat dan juga negara. Begitu juga dengan kesalahan-kesalahan lain termasuklah kesalahan takzir.

Dalam undang-undang jenayah di Malaysia, undang-undang jenayah sivil membolehkan hukuman sebat dikenakan hanya bagi kesalahan-kesalahan yang berat seperti kesalahan yang boleh menyebabkan kekacauan, luka

parah serta ketakutan yang terlampau, samada dengan merampas harta, melukakan atau pun merosakkan generasi melalui pengedaran dadah dan sebagainya. Jika dikumpulkan kategorinya ia dapat dikatakan sebagai kesalahan yang menyentuh mengenai keselamatan harta benda, nyawa serta keselamatan masyarakat dan negara. Jika dibandingkan dengan hukum Islam, didapati kesalahan yang disifatkan bahaya oleh hukum Islam tidak pula disifatkan bahaya oleh undang-undang Malaysia. Contoh kepada isu ini ialah kesalahan zina dan minum arak tidak dinyatakan sebagai satu kesalahan di dalam Kanun Keseksuaan atau mana-mana statut lain. Lantaran itu tiada hukuman zina dan minum arak dalam undang-undang jenayah di Malaysia walau pun ia suatu kesalahan yang berleluasa. Akta/Enakmen kesalahan jenayah syariah pula memperuntukkan hukuman takzir kesalahan-kesalahan di bawahnya kerana berpendapat tidak menepati bentuk hudud. Ini menunjukkan undang-undang jenayah syariah juga memandang penting soal-soal moral dan akhlak serta menjaga agama Islam itu sendiri. Bagai mana pun, kajian mendapati undang-undang jenayah syariah tidak pula memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan matrimoni seperti melakukan *darar* fizikal terhadap isteri, enggan membayar nafkah dan sebagainya. Secara tersiratnya, jika dilihat kepada hukum Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia, ia menunjukkan bahawa hukuman sebat dianggap paling sesuai dikenakan bagi kesalahan-kesalahan berat serta mendatangkan mudarat yang besar kepada individu dan juga masyarakat. Dalam masa yang sama “jenayah berat” telah dinilai secara berbeza antara hukum Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia.

4.1.3 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan hukuman sebat didapati mempunyai perbezaan antara hukum Islam dan undang-undang jenayah sivil di Malaysia. Perbezaan didapati pada saiz alat sebatan, kedudukan semasa disebat, kekuatan pukulan, pakaian semasa menjalani hukuman, sasaran sebatan dan tempat dihukum. Rotan yang digunakan untuk menyebat pesalah jenayah sivil adalah lebih besar berbanding dengan saiz rotan pesalah jenayah syariah. Semasa menjalani hukuman, banduan diikat kaki serta tangan dalam keadaan berdiri pada palang yang disediakan dan dipegang pada kepalanya supaya tidak lari dan tidak dapat menggelupur apabila merasa sakit. Dari perspektif hukum Islam, tidak dibenarkan mengikat kaki atau tangan pesalah semasa menjalani hukuman. Jika difikirkan perlu hendaklah jangan sampai menyeksakan. Pukulannya pula amat kuat sehingga meninggalkan kesan luka yang dalam serta berdarah. Pukulan itu pula mengena secara terus ke atas kulit kerana tempat pukulan tidak ditutupi dengan pakaian. Lebih-lebih lagi menyakitkan apabila pukulan itu hanya akan dikenakan di kawasan yang tertentu sahaja pada badan pesalah itu. Berbeza dengan hukuman yang dinyatakan dalam Islam iaitu memukul secara sederhana pada bahagian atas kulit sahaja serta mesti disebat dalam keadaan menutup aurat yang sempurna. Pukulan pula tidak dihadkan pada satu kawasan tetapi seluruh badan kecuali tempat-tempat yang boleh membahayakan sahaja. Di Malaysia, hukuman sebat dijalankan di dalam penjara. Hukuman dijalankan secara rahsia daripada penyaksian orang

ramai kecuali beberapa orang pegawai yang bertugas sahaja. Ia dikatakan bertujuan menjaga imej pesalah dan keluarga mereka daripada perasaan malu dan sebagainya. Dalam Islam pula pelaksanaan hukuman mesti disaksikan oleh orang-orang yang beriman yang lain supaya mereka mengambil pengajaran daripadanya. Rasionalnya, perasaan malu itu menjadi satu faktor pencegahan yang amat penting terhadap diri seseorang individu. Dari situ lah dapat memberikan rasa serik untuk mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang. Dengan cara tersebut bukan sahaja maslahah terhadap diri pesalah yang boleh dicapai tetapi juga masyarakat awam yang lain. Jelas disini bahawa dari sudut maslahah, didapati hukuman sebat dalam undang-undang jenayah Malaysia melaksanakan hukuman ditempat tertutup kerana mementingkan maslahah individu iaitu maruah pesalah itu sendiri, sedangkan cara yang terdapat dalam hukum Islam lebih mementingkan maslahah awam.

Selain dari perbezaan, terdapat juga unsur-unsur persamaan misalnya, penangguhan hukuman. Menurut undang-undang jenayah di Malaysia, hukuman sebat hanya boleh dilaksanakan selepas mendapat perintah mahkamah dan selesai segala rayuan yang dibuat. Pelaksanaan hukuman juga tertakluk pengakuan pegawai perubatan. Sekiranya disahkan kesihatan tidak mengizinkan, hukuman akan ditangguhkan. Sekiranya dilaporkan belum sesuai menjalani hukuman, sedangkan tempoh pemenjaraan tamat, kes itu akan dibawa ke mahkamah dan mungkin akan diganti dengan hukuman penjara. Dalam hukum Islam, penangguhan diberikan hanya kepada kes-kes sakit yang ada harapan sembah,

mengandung, nifas dan menyusukan anak. Hukuman tidak akan berganti dengan hukuman lain bagi kesalahan hudud, sebaliknya disebat juga dengan cara yang lebih ringan dan tidak memudaratkan.

Bagi pesalah-pesalah jenayah syariah di negeri Kelantan, cara pelaksanaan sebat didapati merujuk kepada kaedah-kaedah yang disediakan untuk pesalah jenayah syariah . Ini kerana sebatan dibuat menggunakan rotan khas yang disediakan bagi pesalah jenayah syariah mengikut ukuran yang termaktub dalam Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987. Pesalah-pesalah akan disebat dalam keadaan berpakaian serta cara hayunan rotan yang sederhana. Walau bagaimana pun setakat ini hukuman dijalankan di dalam penjara sivil dan pegawai-pegawai yang hadir dianggap sebagai cukup memenuhi syarat “disaksikan” oleh orang-orang beriman, di mana mahkamah akan memerintahkan supaya mereka yang bertugas melaksanakan sebat bagi pesalah jenayah syariah hanyalah orang Islam. Sebagai perintis kepada hukuman ini pihak kerajaan negeri akan memperbaiki sistem yang ada dari semasa ke semasa sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang. Oleh itu ia seharusnya diikuti oleh negeri-negeri yang lain supaya dapat bersama-sama mempertingkat martabat undang-undang syarak di negara ini.¹

¹ Temu bual bersama Y.A.A Dato' Hj. Daud bin Mohamad, Ketua Hakim Syarie Kelantan, pada 16.05.03 jam 10.00 pagi di pejabat JKSM Putra Jaya.

4.1.4 Bilangan Sebatan

Jika dilihat secara zahir undang-undang jenayah Islam memperuntukkan bilangan sebatan yang lebih berbanding undang-undang jenayah sivil. Ini kerana bilangan maksimum sebatan dalam undang-undang jenayah Islam, sebatan mandatori bagi kesalahan zina bukan muļşan ialah 100 kali. Bagi kesalahan takzir pula tertakluk kepada ketetapan pemerintah. Seperti mana fukaha mazhab Maliki membenarkannya lebih daripada hukuman hadd mengikut budi bicara para hakim asalkan maslahah hukuman tersebut tercapai. Dalam pada itu sebatan tidak dikenakan ke atas mereka yang belum baligh kecuali dalam bentuk *al-darb* (pukulan untuk mendidik anak-anak atau pelajar). Dari perspektif undang-undang jenayah sivil pula sebatan maksimum hanyalah sebanyak 24 kali bagi pesalah dewasa dan 10 bagi pesalah juvana. Walau bagaiman pun kajian ini mendapati walaupun hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang jenayah sivil lebih rendah dari segi bilangannya, namun ianya lebih berat dari segi seksaan yang dialami. Manakala hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang Islam walaupun lebih tinggi bilangannya tetapi lebih ringan dari segi siksaan yang dialami. Ini berdasarkan syarat-syarat yang tertentu dalam menjalankan hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan hudud dan takzir yang dibahaskan secara panjang lebar oleh para fukaha Islam. Prinsip ini juga dipakai dalam melaksanakan hukuman sebat syariah di negara ini. Bilangan sebatan maksimum bagi kesalahan jenayah syariah ialah sebanyak 6 sebatan sahaja. Ini menunjukkan pesalah jenayah syariah sebenarnya menerima hukuman yang paling ringan kerana dikenakan

sebatan yang sedikit serta menggunakan cara yang sederhana. Walau pun begitu oleh kerana tukang sebat terdiri daripada mereka yang telah lama menyebat secara sivil, besar kemungkinan sebatan yang dikenakan itu sukar untuk dikawal supaya menepati cara yang termaktub dalam kaedah sebat syarak.

4.1.5 Pengecualian Hukuman

Mengikut hukum syarak tiada pengecualian hukuman sebat yang diperuntukkan di bawah kesalahan-kesalahan hudud. Bagi pesalah yang mencukupi syarat-syarat hadd maka semuanya mesti menjalani hukuman sebagaimana yang ditetapkan tanpa mengira jantina, umur atau sebagainya. Cuma dalam situasi-situasi tertentu maka bentuk hukuman sebat tersebut yang akan berubah. Contohnya bagi pesalah yang terlalu tua atau sakit berat yang tiada harapan sembuh, boleh disebat dengan cara yang lebih ringan. Manakala dalam undang-undang jenayah di Malaysia, samada undang-undang jenayah syariah ataupun jenayah sivil, terdapat pengecualian hukuman sebat iaitu bagi pesalah wanita, pesalah lelaki yang dijatuhi hukuman mati dan juga pesalah lelaki yang didapati berumur lebih daripada 50 tahun semasa hukuman dijatuhkan. Pengecualian akan membawa kepada ketidak adilan jika dinilai daripada kaca mata Islam kerana Islam menganggap setiap manusia adalah sama di sisi Allah. Oleh itu samada lelaki atau perempuan, tua atau muda apabila seseorang itu akil baligh semuanya, wajib bertanggungjawab di atas perbuatan masing-masing. Begitu juga pengecualian yang disebabkan oleh berusia 50 tahun.

Ini akan menjadikan seseorang itu menerima hukuman yang lebih ringan walaupun melakukan kesalahan yang dianggap berat serta mendatangkan mudarat kepada masyarakat. Sebaik-baik hukuman menurut pandangan Islam ialah yang mampu menginsafkan di samping mendidik.

4.1.6 Status Hukuman Sebat

Dalam undang-undang jenayah Islam hukuman sebat kebanyakannya dijadikan hukuman utama dalam kes-kes hudud dan takzir. Manakala penjara pula hanyalah sebagai hukuman tambahan. Ini terdapat dalam kes-kes tertentu sahaja seperti “*nafy*” bagi kesalahan zina bukan muhsan. Lazimnya selepas seseorang itu disebat Rasulullah akan melarang para sahabat baginda daripada mengenakan apa-apa hukuman lain kepadanya . Rasulullah pernah melarang para sahabat daripada mencela seseorang selepas dia disebat kerana kesalahan minum arak. Seterusnya kajian ini mendapati hukuman sebat yang dikenakan menurut undang-undang jenayah sivil di Malaysia lebih bersifat sebagai hukuman tambahan kepada hukuman penjara. Dalam keadaan-keadaan tertentu hukuman ini akan menjadi mandatori. Namun demikian tidak ada hukuman sebat semata-mata yang dikenakan mengikut undang-undang jenayah sivil. Ini kerana mereka mesti ditahan di penjara terlebih dahulu sebelum sampai tempoh 14 hari hukuman dijatuhi. Ini bermakna pesalah akan menjalani dua hukuman iaitu hukuman penjara dan kemudian barulah dijatuhi hukuman sebat. Ini turut terjadi kepada pesalah jenayah syariah kerana mereka tertakluk kepada prosedur sebat secara sivil yang dipraktikkan dipenjara.

Hukuman sebat syariah yang terdapat di Kelantan bersifat kumulatif bersama dengan hukuman penjara atau denda. Jika seseorang itu dikenakan hukuman denda bermakna dia juga mungkin akan dikenakan hukuman sebat dan penjara. Bezanya kajian mendapati mahkamah syariah lazimnya tidak mengenakan perintah penjara bagi tempoh yang lama, begitu juga bilangan sebatan yang dijatuhi biasanya tidak sampai kadar maksimum. Hukuman penjara menjadi satu bentuk hukuman yang popular di mahkamah-mahkamah sivil manakala hukuman denda dengan wang banyak dipraktiskan di mahkamah syariah. Bagi kes-kes jenayah berat tempohnya sangat lama dan menjangkau masa 20 tahun. Di tinjau dari perspektif Islam hukuman pemenjaraan bukanlah satu bentuk hukuman yang terbaik. Ia mungkin satu penyeksaan yang terpaksa di hadapi oleh pesalah akibat perbuatannya. Rasa penyeksaan ini membawa perasaan dendam dan bebal. Tidak hairanlah kajian ini mendapati terdapat juga kes-kes di mana mereka yang pernah disebat atau dipenjara kembali semula ke penjara untuk menjalani hukuman yang sama.² Pemenjaraan untuk tempoh yang panjang juga didapati menimbulkan kesan psikologi yang buruk kepada para banduan terutama sekali bagi mereka yang telah berkahwin atau berkeluarga. Fakta ini disokong oleh laporan mengenai satu kajian yang dibuat oleh seorang Pensyarah di Universiti Sains Malaysia yang mendapati kesunyian hidup dipenjara menyebabkan merebaknya gejala “perkahwinan” sesama sendiri dalam penjara.³ Sekiranya ia benar-benar terjadi berbagai masalah akan

² Dalam temu bual bersama IPP Masran Mohamad, beliau menyatakan memang terdapat kes-kes di mana banduan yang dikenakan hukuman itu pernah menjalani hukuman yang sama berdasarkan parut yang ada pada punggung mereka.

³ The Star 9.7.2001 artikel bertajuk “Females inmates driven to marry”

timbul seperti penularan penyakit berjangkit dan sebagainya. Fakta ini turut diperkuatkan lagi oleh The Journal of Criminal Law And Criminology melaporkan bahawa, di Amerika Syarikat, penjara telah dikesan menjadi salah satu daripada punca merebaknya penyakit berjangkit seperti HIV dan juga kejadian rogol dan homoseks. Penderaan serta penyelewengan seks dirumuskan sebagai realiti kepada kehidupan di dalam penjara.⁴ Gejala seperti ini tidak boleh dipandang ringan sekiranya kita beranggapan bahawa hukuman itu bertujuan memulihkan para banduan. Bagaimana mereka dapat dipulihkan dalam keadaan sedemikian. Sebaliknya jika tiada tindakan yang bijak diambil penjara pula akan menjadi tempat berkembangnya jenayah. Walau bagaimana pun kajian ini tidak bertujuan menyamakan antara penjara di Amerika Syarikat dengan penjara di Malaysia, cuma mencadangkan tumpuan hukuman dialihkan daripada hukuman penjara kepada hukuman fizikal seperti sebat.

Mengutamakan hukuman pemenjaraan juga membebankan kepada pihak kerajaan apabila terpaksa menanggung pembiayaan para banduan yang semakin meningkat setiap hari. Ini dibuktikan oleh satu laporan temubual dalam akhbar Mingguan Malaysia bersama Ketua Pengarah Penjara Datuk Omar Mohamed Dan di mana beliau menjelaskan sehingga tahun 2001 jumlah banduan di penjara mencecah 27 000 orang.⁵ Bilangan yang semakin meningkat ini menyebabkan bilangan tempat dalam penjara semakin tidak mencukupi dan penjara-penjara baru terpaksa dibina di

⁴ Christopher D. Man and John P. Cronan (2002). Forecasting sexual abuse in prison : The prison subculture of masculinity as a backdrop for "deliberate indifference" dalam *The Journal of Criminal Law And Criminology*. Vol.92, tahun 2001, hal.129

⁵ Akhbar Mingguan Malaysia. 8.4.01 bertajuk " Layanan bukan istemewa : penjara sedia hadapi isu baru Anwar"

negeri-negeri tertentu . Anggaran kos bagi setiap penjara yang bakal didirikan itu ialah antara 120-190 juta ringgit.⁶ Jika tidak, mungkin masalah kesesakan akan berlaku di mana banduan terpaksa tidur dalam keadaan berdiri kerana ruang tidak mencukupi.

4.1.7 Penyelarasan Akta/Enakmen

Kajian ini mendapati tiada penyelarasan antara undang-undang jenayah syariah yang wujud di Malaysia. Ketidak selaras itu dilihat pertamanya dari segi bentuk kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman sebat adalah berbeza . Sebagai contoh, kesalahan muncikari boleh dihukum sebat di Wilayah Persekutuan tetapi tidak di negeri Kelantan. Kedua ialah dari segi peruntukan hukuman sebat di dalam Akta/Enakmen Jenayah Syariah masing-masing juga didapati tiada penyelarasan. Implikasi daripada masalah ini akan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Di samping itu keadaan ini akan memberi ruang kepada mereka yang berniat jahat melakukan kesalahan di tempat yang mana hukumannya didapati lebih ringan. Dengan itu usaha-usaha untuk mengurangkan kadar jenayah akan menjadi sukar. Dalam erti kata yang lain ia mungkin tidak tercapai. Kredibiliti undang-undang syarak serta institusi kehakiman Islam di negara ini pula akan terjejas. Dualisme mahkamah yang ada di Malaysia pula memberi implikasi yang lebih besar terutamanya terhadap mahkamah syariah. Ini memandangkan sesuatu perbuatan yang dianggap jenayah dalam undang-undang syarak tidak dianggap sebagai jenayah

⁶ Utusan Melayu 6.1.2002

mengikut undang-undang jenayah sivil. Begitu juga dalam aspek bidang kuasa menjatuhkan hukuman. Berbanding mahkamah sivil bidang kuasa jenayah mahkamah syariah masih jauh lebih rendah . Lantaran itu bagi kesalahan-kesalahan tertentu orang-orang Islam di negara ini memilih dibicarakan di mahkamah sivil supaya hukuman yang dikenakan lebih sepadan. Contohnya dalam kes sumbang mahram, banyak pendakwaan dibuat di mahkamah sivil walau pun mengguna pakai peruntukan kesalahan rogol. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh institusi kehakiman Islam di negara ini supaya lebih memanfaatkan peruntukan bidang kuasa jenayah yang diberikan. Keberkesanan mahkamah syariah akan lebih menyerlah terutamanya dalam kes-kes jenayah apabila hukuman sebat di perluaskan pemakaiannya secara selaras antara negeri-negeri. Hukuman denda tidak akan berjaya mencegah jenayah terutamanya bagi golongan berada.

4.2 SARANAN-SARANAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan yang lalu serta beberapa rumusan yang telah di buat, di sini dikemukakan beberapa saranan yang difikirkan sesuai supaya hukuman sebat yang dipraktiskan di negara ini mampu memberikan kesan yang lebih baik samada kepada diri pesalah maupun masyarakat dan juga negara.

Saranan yang pertama ditujukan kepada pengamal undang-undang di Malaysia samada undang-undang syariah atau sivil supaya mendahulukan

hukuman yang bersifat keseksaan fizikal bagi kes-kes jenayah. Kajian ini mencadangkan supaya hukuman sebat dijadikan hukuman utama manakala hukuman denda atau penjara adalah sebagai hukuman tambahan atau alternatif bagi menggantikan kedudukan sekarang di mana hukuman yang paling banyak dikenakan ialah denda dan penjara. Cadangan ini dibuat berdasarkan perspektif Islam, bukannya perspektif sarjana perundangan barat. Orang-orang barat menilai hukuman dengan cara yang berbeza. Bagi mereka hukuman fizikal merupakan suatu penghinaan kepada manusia. Ini kerana mereka menilai kesan sesuatu hukuman dengan pandangan yang sempit untuk jangka masa yang singkat, sedangkan Islam melihatnya dengan pandangan yang menyeluruh untuk jangka masa yang panjang. Lantaran itu walau pun objektif kepada sesuatu hukuman itu ialah mencapai maslahah (kebaikan), namun tindakan menolak kemudaratian mestilah didahulukan daripada mendapatkan kemaslahatan. Analoginya ialah tindakan seseorang doktor memotong anggota pesakit yang dihinggapi penyakit yang boleh merebak ke seluruh bahagian lain kelihatan seperti zalim dan tidak berperi kemanusiaan tetapi ia sebenarnya satu rahmat kepada pesakit tersebut kerana mencegah penyakitnya daripada merebak. Hukuman keseksaan menurut persepektif syariat pada asalnya ialah tubuh badan pesalah. Hukuman penjara, denda dan lain-lain tidak banyak dipakai melainkan diperengkat yang terakhir iaitu selepas hukuman seksaan fizikal tidak memberi kesan kepadanya. Oleh sebab itu fikir Islam lebih mengutamakan hukuman sebat dalam berbagai kesalahan takzir tetapi hukuman dengan penjara, denda atau lain-lain tidaklah dinafikan. Menjadikan hukuman penjara sebagai

hukuman utama juga tidak menepati objektif keseksannya dari perspektif Islam kerana tujuan mengenakan sesuatu hukuman bukan sahaja untuk memberi satu pembalasan terhadap kesalahan yang telah dilakukan tetapi ia juga bertujuan untuk penyucian dosa . Oleh itu menjalani hukuman seksaan fizikal, pesalah akan mendapat faedah besar iaitu pembersihan dosa sekalipun dia tidak mahu menyucikan dirinya. Sebaliknya hukuman penjara tidak dapat memenuhi objektif ini lebih-lebih lagi sekiranya dikenakan bagi kesalahan-kesalahan hudud. Ertinya seseorang itu telah dihukum secara sia-sia tanpa apa-apa faedah dari segi keagamaan.

Saranan supaya sebat dijadikan hukuman utama juga bertujuan meringankan bebanan kepada banyak pihak dari berbagai aspek. Mempopularkan hukuman sebat bermakna mengurangkan tumpuan kepada hukuman pemenjaraan kerana hukuman penjara terutamanya untuk satu tempoh yang panjang akan memberikan kesan tekanan yang hebat bukan sahaja kepada diri pesalah bahkan juga kepada anggota keluarganya yang tidak bersalah. Tekanan tersebut berlaku dalam aspek emosi mahupun ekonomi apabila isteri dipisahkan daripada suami atau anak-anak kehilangan kasih sayang daripada ibu atau bapa. Hasilnya anggota keluarga mereka turut terhukum sama dengan kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Akhirnya ia akan memberikan kesan yang tidak baik kepada perkembangan individu, masyarakat dan juga negara.

Dari perspektif kos pula hukuman sebat lebih bersifat ekonomik kerana dapat mengurangkan belanja penyelenggaraan penjara yang tinggi serta

mengurangkan keperluan terhadap sumber tenaga manusia. Hukuman ini boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat dan cepat serta membolehkan pesalah tersebut kembali ke pangkuan keluarga dan kebebasannya untuk bekerja dan mencari rezeki tidak terhalang. Dalam konteks Malaysia misalnya, seseorang penjawat awam yang dijatuhi hukuman penjara akan menghadapi risiko perlucutan jawatan dan catatan pemenjaraan memberikan reputasi yang buruk terhadap diri serta kerjaya seseorang . Ini menyukarkan seseorang yang pernah bergelar banduan meneruskan kehidupan ekonomi dan sosial mereka secara baik dan normal, walaupun dia telah dihukum bagi kesalahan yang dilakukannya. Pemenjaraan bukan sahaja menghadkan kebebasan seseorang untuk bergerak tetapi turut memberikan tekanan jiwa yang kuat kerana tidak dibenarkan bergaul dengan rakan-rakan serta keluarga sebaliknya terpaksa bersama-sama dengan rakan-rakan penjenayah yang lain. Oleh itu kesan seksaan fizikal hanyalah pada badan pesalah untuk waktu yang singkat sahaja, mana kala kesan buruk daripada hukuman penjara ialah terhadap tubuh badan, jiwa, akhlak serta masa depannya.

Saranan yang kedua ditujukan kepada badan perundangan di Malaysia supaya memasukkan kesalahan minum arak dan hubungan seks luar nikah sebagai satu kesalahan di dalam Kanun Keseksaan.⁷ Justifikasi kepada cadangan ini ialah untuk membendung jenayah minum arak dan salah laku

⁷ Undang-undang yang ada sekarang hanyalah mengenai kesalahan memandu dalam keadaan mabuk di bawah Road Transport Act 1987 (Act 333), mabuk sebagai satu pembelaan di bawah seksyen 85 dan “misconduct in public” dalam Kanun Keseksaan. Begitu juga kesalahan melakukan hubungan seks luar nikah diletakkan pada seksyen tersendiri atau pecahan kepada seksyen mengenai kesalahan rogol di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan seperti mana kesalahan sumbang mahram telah diluluskan oleh Parlimen untuk dijadikan satu seksyen yang tersendiri daripada kesalahan rogol.

seks yang semakin berleluasa dalam negara. Banyak pergaduhan, kemalangan serta keruntuhan rumah tangga berlaku disebabkan masalah ketagihan arak. Perkara ini sedia maklum kepada orang ramai kerana banyak diperkatakan oleh media cetak dan elektronik. Meminum arak tidak boleh dianggap sebagai kesalahan kecil, bahkan Islam menggelarkan arak sebagai “umm al-khabā’ith” iaitu ibu kepada segala kejahatan. Keburukannya bukan sahaja kerana mabuk kerana walau pun mereka yang meminum arak itu tidak mabuk, implikasinya terhadap kesan ekonomi dan sosial amat buruk sekali. Zina atau hubungan seks luar nikah juga sepatutnya dipandang sebagai satu kesalahan yang berat kerana ia bertentangan dengan ajaran yang terdapat semua agama bukan sahaja di dalam agama Islam. Perbuatan tersebut tersebut bertentang dengan akhlak dan moral serta boleh memudarangkan masyarakat dan negara untuk jangka masa yang panjang.

Saranan ketiga dibuat kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mengkaji semula keberkesanan cara sebat yang diamalkan di penjara Malaysia hari ini. Menurut Islam, segala bentuk hukuman yang bukan hukuman ḥadd adalah dikategorikan takzir. Hukuman takzir yang dibenarkan oleh Islam ialah yang boleh mendatangkan kebaikan kerana tujuan juga ialah kebaikan. Justeru sekiranya sesuatu hukuman takzir itu gagal mencapai maslahahnya ia sewajarnya ditinggalkan atau diganti dengan hukuman yang lebih sesuai. Kajian ini berpendapat, bagi mencapai keberkesanan yang lebih baik terutamanya kepada masyarakat awam, pelaksanaan hukuman hendaklah dilakukan secara terbuka. Ini

membolehkan hukuman tersebut disaksikan oleh orang lain. Antara hikmahnya ialah penyaksian akan menjadi faktor paling kuat untuk mencegah jenayah atau maksiat. Saranan ini juga sejajar dengan hasrat pihak polis iaitu mengajak masyarakat supaya bersama-sama membasmi jenayah di dalam negara. Kajian berpendapat selain daripada memahamkan jenayah dan akibatnya kepada orang awam, mendedahkan hukuman terutamanya hukuman sebat juga menjadi satu cara mendidik serta melibatkan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Walau bagaimana pun konsep keterbukaan yang dimaksudkan di sini boleh ditafsirkan secara luas, sesuai dengan konteks semasa. Ia boleh memberi maksud di kawasan tertentu yang dikhaskan di mana orang ramai boleh menyaksikannya dan boleh juga sekiranya dibuat di dalam penjara tetapi disiarkan kepada orang ramai melalui media elektronik seperti menerusi berita dan seumpamanya. Jusifikasi ialah untuk mencapai objektif pencegahan yang minima terutama sekali bagi mereka telah ada kecenderungan melakukan jenayah.

Tidak dapat dinafikan oleh sesiapa bahawa jenayah adalah suatu perkara yang tidak mungkin dapat dihapuskan dalam kehidupan manusia, tetapi sekurang-kurangnya apabila sistem penguatkuasaan undang-undang itu baik dan berkesan perlakuan jenayah dengan sendirinya dapat diminimakan, sehingga masyarakat merasa lebih aman dan terjamin. Cadangan ini bukan sahaja ditujukan kepada pelaksanaan sebatan syariah tetapi juga sebatan sivil. Pelaksanaan hukuman juga seharusnya disertakan dengan nilai-nilai akhlak dan kemanusiaan. Sekiranya nilai-

nilai ini dititik beratkan kepada banduan, mereka akan merasa harga diri dan maruah mereka masih dihargai walau pun mereka adalah penjenayah. Ini memberikan mereka harapan serta kesedaran untuk berubah dan insaf. Hasil kajian ini mendapati amalan yang ada masa kini kurang sesuai dengan nilai-nilai moral dan kemanusiaan kerana banduan masih lagi disebat dalam keadaan tidak berpakaian. Dari perspektif Islam, aspek keagamaan dan kerohanian tetap menjadi nilai teras walau pun semasa mengenakan hukuman terhadap penjenayah. Oleh itu selari dengan arus pemodenan, banduan seharusnya disebat dalam keadaan memakai pakaian sekadar yang mampu menutupi aurat mereka di mana pakaian itu tidak terlalu tebal atau nipis. Mengenai peraturan yang berhubung pakaian, kajian mendapati ia merupakan peraturan yang terjadi melalui amalan, sebaliknya tidak ada peruntukan undang-undang yang jelas mengenai perkara tersebut. Antara alasan kepada keadaan pemakaian masa kini ialah supaya banduan lebih selesa serta tidak merasa terikat dengan pakaian.⁸ Oleh itu amat wajar satu peraturan baru yang lebih baik serta berdasarkan ciri-ciri keagamaan dibuat untuk dilaksanakan oleh pihak penjara .

Saranan yang keempat ialah supaya satu pindaan dibuat dalam Kanun Keseksaan terhadap peruntukan pengecualian hukuman sebat bagi pesalah wanita dan juga pesalah lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun. Bagi tujuan ini kajian mencadangkan supaya seksyen 289 Kanun Acara Jenayah dan juga pengecualian yang terdapat dalam mana-mana Kanun :

⁸ Temu bual bersama IPP Masran Mohammad. *op.cit*

Prosedur Jenayah Syariah dipinda. Pindaan bolehlah dibuat terhadap peruntukan yang memberi pengecualian kepada “pesalah lelaki yang diisyiharkan oleh mahkamah berumur lebih daripada 50 tahun” digantikan dengan “pesalah lelaki yang disahkan oleh pegawai perubatan sebagai tidak layak menjalani hukuman sebat”. Pengecualian kepada wanita juga sepatutnya dihapuskan. Ini bertujuan supaya mereka yang sanggup melakukan jenayah, menerima risiko yang sama daripada perbuatan mereka tidak mengira usia atau jantina. Bagi pesalah wanita dicadangkan disebat dengan cara yang lebih ringan contohnya seperti sebatan pesalah muda atau sebatan syariah. Ini kerana cara sebatan sivil adalah tidak bersesuaian langsung dengan fizikal kaum wanita. Cadangan-cadangan ini adalah dengan mengambil kira segala aspek yang berkaitan pakaian dan sebagainya supaya kehormatan seorang wanita tetap terjaga. Justifikasinya ialah keadilan. Di dalam Islam terutamanya bagi kesalahan hudud, mesti dilaksanakan kepada semua mereka yang bersalah tanpa pengecualian berdasarkan usia, jantina dan sebagainya. Bukti Islam mensyaratkan supaya sebatan yang dikenakan kepada mereka yang sudah lanjut usia haruslah sejajar dengan objektif pemulihan dan pencegahan, bukannya mudarat atau kebinasaan. Sejarah pelaksanaan hukuman sebat yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam menunjukkan terdapat beberapa kes di mana hukuman sebat turut dikenakan kepada pesalah yang tua atau pun sakit tetapi pukulan tersebut adalah dengan kadar kekuatan sederhana serta alat yang lebih ringan. Dalam sejarah Islam diidapati hukuman takzir juga bersifat sedemikian, namun di sana ada kuasa :

pemerintah untuk menggantikannya dengan hukuman lain sekiranya difikirkan dapat mencapai maslahah.

Berkenaan dengan hukuman sebat serta bidang kuasa jenayah di mahkamah syariah, kajian ini mencadangkan supaya mana-mana negeri yang belum mempunyai kaedah-kaedah sebatan atau pun belum mempunyai peruntukan hukuman sebat supaya mengambil langkah segera mengadakannya. Bagi menjaga kewibawaan hukum Islam, kajian yang teliti terhadap kaedah pelaksanaan hukuman sebat mesti dibuat oleh pakar-pakar perundangan Islam di negara ini. Kaedah yang lahir itu mesti menggambarkan hasil ijтиhad yang halus serta baik serta digunakan secara selaras antara negeri-negeri di Malaysia. Di samping itu tinjauan juga boleh dilakukan di negara-negara Islam yang sudah memparaktikkan hukuman tersebut. Bagi merealisasikannya kapasiti tenaga dan juga staff di mahkamah-mahkamah syariah serta Jabatan Agama Islam juga hendaklah ditambah supaya proses pendakwaan, pembuktian serta pernghakiman di mahkamah syariah lebih cekap dan berkesan. Di samping itu usaha-usaha ke arah penyelarasan hendaklah disegerakan terutama bagi kategori kesalahan-kesalahan serta hukuman sebat yang diperuntukkan. Kajian difahamkan usaha ke arah ini telah dibuat, tetapi pembentangannya masih ditangguhkan. Oleh itu kajian amat berharap pihak kerajaan Malaysia selaku sebuah negara yang disifatkan sebagai negara Islam memandang usaha-usaha sebegini sebagai penting dan utama demi kebaikan agama Islam dan juga negara. Dalam usaha menaikkan taraf mahkamah syariah terutama mendapatkan keberkesanan hukuman di

mahkamah syariah, kita sebenarnya sudah ada panduan yang jelas daripada undang jenayah Islam samada hudud atau takzir. Dari segi keberkesanan, undang-undang hudud sebenar telah diakui oleh umum terutamanya pengkaji-pengkaji sebagai amat efektif dalam mendidik masyarakat atau mencegah jenayah. Keberkesanannya ini terbukti melalui penyelidikan yang telah dibuat di beberapa negara yang cuba menggunakan pakai prinsip undang-undang jenayah Islam seperti Arab Saudi yang telah berjaya mengurangkan kadar jenayah dengan amat baik sekali di negara mereka.⁹ [Lihat **Lampiran III**]. Keberkesanannya turut disokong oleh fakta dari sejarah Islam yang menunjukkan bahawa Khalīfah Hisyām bin 'Abdul Mālik pernah cuba menghentikan hukuman hudud selama setahun dizaman pemerintahannya. Akibat daripada itu negara menjadi semakin kacau disebabkan oleh jenayah bertambah dengan berleluasa.¹⁰ Kedudukan hukuman yang ada di mahkamah syariah masa kini dianggap sebagai takzir kerana hanya sekadar itu sahaja bidang kuasa yang diberikan. Oleh itu pihak pemerintah seharusnya memahami bahawa mengikut persepektif Islam, takzir merupakan hukuman tābi'iyyah kepada hudud. Ini bererti apabila tiada peruntukan hudud ataupun hukuman ḥadd tidak dapat dilaksanakan, barulah terbit hukuman takzir. Jadi walaupun hukuman takzir sebenarnya hak pemerintah, tetapi ia tidak boleh mendahului hukuman ḥadd dalam pelaksanaannya

⁹ Farouk Abdul Rahman Móurad dan Hassan al-Sa'aty, "Impact of Islamic Penal Law on Crime Situation in Saudi Arabia : Findings of A Research Study", Tahir Mahmood et.al, *op.cit*, hal.359-365.

¹⁰ Abdul Monir Yaacob, *op.cit*, hal.39

Golongan alim ulama serta sarjana perundangan Islam seharusnya lebih giat mengadakan usaha-usaha memperbetulkan pandangan masyarakat tentang konsep serta kepentingan hukuman hudud . Secara umum, masyarakat hari ini dilihat masih keliru tentang undang-undang hudud serta perbezaanya dengan hukuman hadd. Hukum hudud wajib dilaksanakan untuk mencegah manusia daripada melakukan jenayah, bukan menzalimi mereka. Lantaran itu juga Allah mensyaratkannya dengan syarat-syarat yang ketat sebelum boleh disabitkan. Oleh itu konsep melaksanakan undang-undang hudud serta menjatuhkan hukuman hudud sepatutnya dapat dibezakan.

Akhir sekali kajian ini menyarankan supaya undang-undang Islam dikembalikan kepada kedudukan asalnya sebagai undang-undang asal negara ini serta mengeneplikan pengaruh undang-undang asing serta Common Law. Sebagai sebuah negara yang telah lama mengcapai kemerdekaan dan berdaulat, undang-undang sedia ada yang banyak bersumberkan Indian Penal Code 1860,¹¹ boleh dikatakan sebagai memerlukan penilaian semula supaya lebih efektif ke arah mencegah serta mengurangkan jenayah dalam negara. Gabungan tenaga pakar-pakar perundangan Islam dan sivil harus berusaha bersungguh-sungguh supaya lahir satu kod undang-undang jenayah yang dijadikan undang-undang

¹¹ Ini berdasarkan ucapan Tun Muhammad Suffian Bin Hashim (ketika itu sebagai Lord President Mahkamah Persekutuan) pada February 1980 di Bombay India di mana beliau berkata "... Today criminal procedure in our courts in Malaysia and also in Singapore is still very much based on yours : and you will certainly feel at home in our criminal courts... The great Indian Penal Code was first introduced into the Strait settlements in 1870, and from there it too spread to the Malays States, so that today it applies throughout Malaysia" . Lihat dalam Tahir Mahmood, "Muslim Countries in General", Tahir Mahmood *et al.* (1996),*op.cit*, hal. 328

negara ini dengan mengambil kira latar belakang masyarakat majmuk yang ada. Setelah sekian lama merdeka, sudah tiba masanya untuk kita kembali mendaulatkan undang-undang Islam serta mengkodifikasikannya menurut teknik perundangan moden kerana ia pernah menjadi undang-undang asas negara ini seperti mana yang berlaku sebelum kedatangan penjajah barat.¹²

Saranan ini bertujuan menyokong cadangan Allahyarham Professor Tan Sri Ahmad Ibrahim yang mahu kedudukan Islam sebagai agama rasmi bagi persekutuan serta beberapa negeri di Malaysia, dikembalikan kepada kedudukan asalnya sebagai undang-undang asas negara ini. Sehubungan dengan itu sekatannya hendaklah dihapuskan kerana boleh dianggap lapuk serta tidak lagi relevan.¹³ Sebaliknya memasukkan satu fasal dalam Perlembagaan untuk menjelaskan bahawa mana-mana undang-undang Malaysia yang bertentangan dengan undang-undang Islam hendaklah dengan sendirinya terbatal setakat mana ia bertentangan. Melalui cara ini undang-undang jenayah yang dipakai di Malaysia sekurang-kurangnya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam.¹⁴

Hukuman semata-mata bukanlah satu-satu jalan penyelesaian dalam menangani permasalahan jenayah di kalangan masyarakat . Sebaliknya usaha-usaha pendidikan yang bersepada haruslah sentiasa diberikan

¹² Supra, bab pendahuluan

¹³ Iaitu peruntukan yang terdapat dalam seksyen 3 dan seksyen 5 Akta Undang-undang Sivil 1956 yang mengantikan Enakmen Undang-undang Sivil 1937.

¹⁴ Ahmad Ibrahim (Prof.), "Sekatan-Sekatan Dalam Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia", *Jurnal al-Ahkam*, jilid 4, hal. 51

kepada anggota masyarakat supaya kembali menghayati cara hidup yang baik selaras dengan kehendak agama. Selain itu sektor ekonomi turut memainkan peranan penting. Ekonomi yang makmur dan adil memainkan peranan penting dalam membentuk perlakuan manusia serta membendung kecenderungan mereka melakukan jenayah. Orang yang jahil dan tidak berilmu serta orang yang terdesak atau terpaksa dalam suasana kemiskinan akan menjadi faktor yang boleh meringankan hukuman menurut undang-undang jenayah Islam. Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb tidak mengenakan hukuman ḥadd potong tangan kepada orang yang mencuri pada tahun kelaparan di mana negara dilanda kegawatan ekonomi yang teruk.

4.3 PENUTUP

Setelah meneliti dan menganalisa hukuman sebat yang terdapat dalam hukum Islam serta undang-undang jenayah di Malaysia , kajian ini menyimpulkan bahawa konsep dan pelaksanaan hukuman sebat menurut perspektif Islam lebih ideal dan objektif. Kelebihan ini mungkin disebabkan ia terbit daripada wahyu Ilahi serta sunnah RasulLah s.'a.w. Lantaran itu usaha-usaha ke arah mengharmonikan antara kosep dan pelaksanaan hukuman sebat menurut perspektif Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia patut dipandang penting dan disegerakan upaya dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Kajian ini juga merumuskan bahawa dakwaan yang mengatakan undang-undang Islam adalah zalim adalah salah kerajaan terbukti undang-undang ciptaan manusia adalah lebih keras dan dahsyat. Sebaliknya hukuman sebat yang diparaktikkan dalam

undang-undang jenayah Islam adalah berpegang teguh kepada nilai-nilai spiritual, perikemanusiaan serta sarat dengan maslahah kepada pesalah itu sendiri dan juga masyarakat awam. Keberkesanannya pula telah terbukti di negara-negara yang telah mempraktikkannya seperti Arab Saudi, Sudan, Iran, Pakistan Emiriyyah Arab Bersatu dan Libya. Kajian ini juga merumuskan bahawa kedudukan hukuman sebat serta pelaksanaannya menurut undang-undang jenayah syariah di Malaysia hari ini tidak memenuhi hukuman sebat hudud dan tidak dapat memenuhi ciri-ciri takzir yang sebenar. Walau bagaimana pun kajian ini memandang positif terhadap usaha-usaha tersebut terutamanya negeri Kelantan yang mendahului negeri-negeri lain melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah jenayah syariah . Kajian ini juga berpendapat pelaksanaan itu telah menyumbangkan kepada penurunan kadar jenayah di negeri Kelantan sehingga menjadi negeri salah sebuah negeri yang paling rendah kadar jenayahnya dalam Malaysia. [Lihat **Lampiran 1**]. Mudah-mudahan dengan niat yang ikhlas Allah akan membuka jalan dan ruang yang lebih baik terhadap masa depan undang-undang syariah di negara ini.